

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	8 SEPTEMBER 2016

# 'Pertemuan Tun Mahathir, Anwar agenda jatuhkan Najib'

BH-8/9/2016

**Ipoh:** Pertemuan Tun Dr Mahathir Mohamad dan Datuk Seri Anwar Ibrahim dilakukan kerana mereka menyedari Datuk Seri Najib Razak sukar ditumbangkan oleh mana-mana parti pembangkang.

Menteri Besar, Datuk Seri Dr Zambry Abd Kadir, berkata selama ini ramai pihak beranggapan Perdana Menteri boleh ditewaskan oleh seseorang yang berpengaruh seperti Dr Mahathir tetapi sangkaan itu meleset.

Sebaliknya, katanya, Presiden UMNO itu terus mendapat sokongan dan dukungan untuk memimpin negara.

"(Pertemuan itu) mungkin dise-

babkan mereka berasakan bahawa untuk menjatuhkan Perdana Menteri, tidak boleh dilakukan oleh seorang bernama Mahathir ataupun Anwar.

"Jadi, tidak mustahil kedua-duanya akan cuba melakukan pendekatan lain untuk tujuan ini (menjatuhkan Perdana Menteri)," katanya pada sidang media selepas mempengerusikan mesyuarat EXCO kerajaan negeri di sini, semalam.

Isnin lalu, Dr Mahathir bertemu dengan Anwar di Kompleks Mahkamah Jalan Duta di sini, selama 20 minit.

Dr Mahathir yang tiba di mahkamah pada jam 2.50 petang, di-

lihat bersalaman sebaik Anwar tiba diiringi pegawai penjara untuk kes samannya mencabar pelaksanaan Akta Majlis Keselamatan Negara 2016.

## Ambil pendekatan berbeza

Zambry yang juga Pengerusi Barisan Nasional (BN) Perak berkata, pertemuan kali pertama antara Dr Mahathir dan Anwar selepas 18 tahun berseteru itu menunjukkan tiada perkara yang mustahil dalam politik dan kemungkinan mereka akan melakukan pendekatan berbeza dalam strategi politik masing-masing.

Sehubungan itu, katanya, BN harus memastikan pertemuan dan

kemungkinan berlaku kerjasama antara kedua-dua mereka tidak akan menjejaskan kekuatan BN.

"(Yang penting) kepemimpinan negara perlu diteruskan... kita tidak boleh sekadar beri pandangan yang ia tidak menjejaskan BN tetapi kita kena memastikan tindakan mereka tidak menjejaskan parti kerana dalam parti kita tidak boleh ambil mudah terhadap semua perkara.

"Kita harus bersiapsiaga dalam semua keadaan. Kita mahu ia (pertemuan itu) tidak menjejaskan kekuatan BN. Jadi, kekuatan parti perlu diperkukuhkan di semua peringkat termasuk kepemimpinan," katanya.